

**Mari Bergerak Sekumpulan, Najib Seru Rakyat
Bernama
23 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Sempena sambutan Hari Wesak esok, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru rakyat tanpa mengira kaum atau etnik agar bergerak sekumpulan.

Beliau berkata Malaysia sedang membangun secara pasti menuju Wawasan 2020, dan menegaskan ini boleh dicapai hanya jika rakyat dapat bersatu pada waktu aman dan sukar.

"Akan timbul banyak halangan untuk kita atasi dalam beberapa tahun akan datang, tetapi saya yakin kita sebagai sebuah negara boleh melakukannya," kata beliau dalam perutusan Hari Wesak yang dimuat naik dalam blognya www.1malaysia.com Khamis.

Perdana Menteri melahirkan harapan agar rakyat mengetepikan perbezaan pandangan di semua peringkat masyarakat.

"Apa yang ingin saya doakan untuk negara kita, ialah setiap orang mengetepikan perbezaan mereka demi kebaikan yang lebih besar. Jiran melayani satu sama lain dengan ehsan, suami isteri dengan kasih sayang dan anak-anak dengan rasa kasih.

"Anak-anak tahu menghormati dan ibu bapa mendidik. Dan tentunya untuk rakyat mencapai kemakmuran di bawah kerajaan ini, dan ahli-ahli politik memberi khidmat sebaik dan sedaya mungkin.

"Diucapkan Selamat Hari Wesak kepada semua rakyat Malaysia penganut Buddha," kata Najib.

Mengenai perayaan itu esok, beliau percaya wujud kegembiraan, keamanan dan kemaafan yang melimpah ketika rakyat memohon rahmat untuk diri mereka dan untuk orang yang mereka sayangi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951854>